

17/11/2001

Keputusan permohonan PBS sebelum Aidilfitri

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tidak menolak kemungkinan Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima masuk semula ke dalam Barisan Nasional (BN) sebelum Hari Raya Puasa ini.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN berkata, permohonan PBS itu akan dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Mesyuarat itu barangkali diadakan dalam bulan puasa," katanya selepas menyampaikan ucapan pada persidangan mengenai keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Semalam, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, menyerahkan surat kepada Dr Mahathir di Putrajaya untuk memohon menyertai semula gabungan itu tanpa sebarang syarat.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita di Bukit Lanjan, Petaling Jaya, petang ini, Perdana Menteri berkata, PBS boleh menyertai BN jika sanggup mereka mematuhi prinsip dan dasarnya serta tidak membelot atau membuat sesuatu yang memburukkannya.

Dr Mahathir berkata, walaupun beliau berpuashati dengan jaminan dan penyesalan yang dikatakan oleh Pairin, beliau perlu mendapatkan persetujuan penuh daripada semua parti komponen BN terlebih dahulu, terutama parti di Sabah.

"Kena tanya parti komponen lain sama ada mereka setuju atau tidak, terutama parti di Sabah mungkin mereka khuatir. Kita demokratik jadi kita kena tanya," katanya.

Ditanya sama ada Pairin memberi sebarang jaminan PBS tidak akan belot, Perdana Menteri berkata:

"Pairin kata, kalau belot, dia boleh disingkirkan. Adakah itu jaminan? Sebenarnya tiada jaminan politik. Musuh dalam politik hari ini boleh jadi kawan baik esok, dan selepas itu boleh jadi masuk penjara," katanya.

Ketika ditanya mengenai satu laporan media Thailand semalam yang menyatakan Malaysia menekan Myanmar supaya memecat jeneral dan anggota Kabinetnya, Dr Mahathir berkata laporan itu tidak benar sama sekali.

Katanya, Malaysia secara umumnya bekerjasama dengan kerajaan Myanmar mengenai proses demokrasi.

"Mereka mahu mendemokrasikan sistem tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk melakukannya. Kita hanya menunjukkan mereka. Itu keputusan mereka (untuk pecat) dan tidak ada kena mengena langsung dengan kita," katanya.

Pemimpin tentera Myanmar memulakan perbincangan damai dengan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi lebih setahun lalu untuk mengembalikan demokrasi di negara itu.

Dr Mahathir juga berkata satu pusingan baru rundingan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mungkin boleh dimulakan dalam tempoh dua tahun lagi apabila agendanya ditentukan terlebih dahulu.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa tiada sebarang pusingan baru rundingan akan dimulakan melainkan agendanya sudah ditentukan.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai mesyuarat WTO di Doha, Qatar, yang berakhir baru-baru ini dengan perwakilannya bersetuju kepada satu pusingan baru rundingan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bukan menentang pusingan baru itu tetapi hanya tidak mahu isu-isu luar seperti buruh kanak-kanak dimasukkan ke dalam agenda.

"Kita hanya mahu berbincang mengenai perdagangan," katanya.

Dilaporkan bahawa tahun 2002 akan dijadikan sebagai tarikh kepada negara-negara untuk menyerahkan pendirian rundingan dan tawaran mereka dalam pelbagai sektor yang dirangkumi oleh pusingan itu dan rundingan sebenarnya hanya akan diadakan dalam tempoh dua tahun seterusnya.

Semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang menghadiri mesyuarat di Doha itu memberitahu pemberita bahawa Malaysia bersedia untuk membincangkan empat isu baru seperti yang dipersetujui oleh WTO, dalam tempoh dua tahun lagi.

(END)